

PENAJIS, tempat penabalan Yang Dipertuan Besar Seri Menanti hingga tahun 1830. Penajis adalah sebuah kampung dalam daerah Rembau. Penajis juga nama sebatang sungai mengambil sempena nama kampung tersebut. Pada masa dahulu, Penajis dikenal dengan nama Kampung Penajuh. *Sejarah Melayu* ada menyebut Sungai Penajuh semasa menggambarkan keagungan kerajaan Melayu Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1488–1511). Nama ini selari dengan cerita lisan tempatan yang menyatakan bahawa kampung tersebut telah dibuka oleh Datuk Najuh. Makamnya terletak di tebing kiri Sungai Penajis berhampiran dengan balai raya Kampung Bandar Penajis sekarang.

Penajis mula dikunjungi oleh orang Sumatera, mungkin dari Siak, pada sekitar tahun 1490-an. Kampung ini merupakan kampung terawal didiami oleh migran dari Sumatera Timur itu. Rombongan awal ini diketuai oleh Datuk Leteh yang pada mulanya tinggal di Kampung Relong, kemudian berpindah ke Kampung Lada dan akhirnya ke Kampung Kota Lama sekarang.

Pada tahun 1721 dan seterusnya hingga sekitar tahun 1826, kampung ini telah dijadikan tempat penabalan Raja Rembau I (1721/22) dan Yang Dipertuan Besar (Yamtuan Besar) Seri Menanti (1765–1826) yang didatangkan dari Pagarruyung, Minangkabau. Setelah ditabalkan, kesemua anak raja Minangkabau ini, termasuk Raja Rembau I (Raja Melewar), berpindah ke Seri Menanti, Kuala Pilah. Raja



Sungai Penajis

Labu (1826–1830) ialah Yang Dipertuan Besar yang terakhir ditabalkan di kampung ini. Justeru itu, kampung ini dalam sistem politik adat Negeri Sembilan, dikenal sebagai 'tanah kerjan'. Dipercayai juga bahawa apabila Yang Dipertuan Besar melalui kawasan kampung ini, khususnya di kawasan makam Datuk Naju, baginda tidak boleh mengembangkan payung kuning diraja.

Sungai Penajis ialah sebatang sungai yang penting dalam sejarah perkembangan sosiopolitik dan budaya Negeri Sembilan, khususnya kerajaan Rembau tradisional. Sungai itu merupakan jalan masuk para migran dari Sumatera yang membawa bersama-sama mereka adat perpatih ke Negeri Sembilan, khususnya Rembau, mulai dari abad ke-11. Dari segi ekonomi, sungai ini menjadi jalan keluar masuk barang dagangan. Dari sudut politik pula, sungai ini pernah menjadi kawasan rebutan dan menimbulkan konflik antara pembesar tempatan (Rembau, Sungai Ujong dan Linggi) dengan kuasa Barat (Portugis, Belanda dan British). Pada abad ke-19, sungai ini menjadi satu daripada beberapa sebab kemasukan penjajah British ke Sungai Ujong, Linggi dan Rembau.